

# 'Budaya sukan merentasi semua sempadan'

BERITA HARIAN CARI (TI) 27 OKTOBER 2016 V16

**Kuantan:** Bidang sukan negara perlu terus dimartabatkan pada peringkat antarabangsa menerusi penjana-jagung yang memiliki jati diri, bermotivasi tinggi dan mampu mencetus semangat perpaduan rakyat dengan kejayaan dicapai.

Naib Canselor **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**, Prof Datuk Dr Daing Mohd Nasir Daing Ibrahim, berkata pembabitan dalam bidang sukan perlu bermula dari peringkat awal persekolahan dan diteruskan di institusi pengajian tinggi, sekali gus melonjakkan nama universiti serta negara melalui pelbagai kejohanan perprestasi tinggi.

"Usaha itu amat penting kerana sukan adalah budaya yang dikongsi bersama



masyarakat seluruh dunia merentasi semua sempadan dan wilayah," katanya ketika berucap merasmikan Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SUKFAC) 2016 di Pusat Aktiviti Pelajar, UMP Pekan, baru-baru ini.

## Obor perasmian

Yang turut hadir ialah Tim-

balan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMP, Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin; Pendaftar, Abd Hamid Majid; Ketua Pusat Sukan, Abd Rahman Safie; Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Prof Dr Rizalman Mamat; dan Pengarah Pusat Kokurikulum, Ramli Abid.

Kejohanan selama 11 hari

anjuran Pusat Sukan dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) UMP itu mempertandingkan 11 acara, iaitu sepak takraw, bola baling, tenpin boling, catur, bola tampar, pingpong, badminton, bola keranjang, petanque, boling padang dan woodball.

Pada majlis itu, Muham-

mad Firdaus Bakri, 21, dipertanggungjawabkan membawa obor perasmian SUKFAC 2016.

Beliau yang juga atlet boling padang UMP pernah meraih pingat perak pada kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2016.

**Kesemua kontinjen yang mengambil bahagian.**

info

## SUKFAC 2016

**Sebanyak 13 kontinjen mengambil bahagian**

- Sembilan fakulti
- Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Laut
- PALAPES Udara
- Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS)
- Majlis Sukan Pelajar